

19 OCT 2000

ASEM-SIDANG KEMUNCAK

ADAKAH ASEM BERADA DI PERSIMPANGAN? JAWAPANNYA DI SEOUL

Oleh: E. Sivabalan

SEOUL, 19 Okt (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Asia Timur dan Eropah dan perwakilan peringkat tertinggi masing-masing akan berkumpul di sini esok bagi Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) ketiga mereka untuk meneliti dan mengkaji pencapaian serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh badan dalaman serantau yang baru berusia lima tahun itu.

Suruhanjaya Eropah merasakan "terdapat sedikit keraguan proses Asem boleh dianggap berjaya.

"Antara sidang kemuncak, dialog politik Asem dimajukan secara perlahan-lahan tetapi ketara, manakala dalam bidang ekonomi, terdapat kemungkinan ke arah mendapatkan persetujuan sebulat suara bagi merit liberalisasi pelbagai hala," ketua pengarah EU bagi hubungan luar dalam satu dokumen yang dikeluarkan kepada media baru-baru ini.

Asem pertama diadakan di Bangkok pada 1996 manakala yang kedua pada 1998. Sidang kemuncak keempat akan diadakan di Copenhagen, Denmark pada 2002.

Proses Asem mengumpulkan bersama-sama ketua-ketua negara dan kerajaan 10 negara Asia dan 15 anggota EU bersama dengan Presiden Suruhanjaya Eropah, di mana semuanya berjumlah 26 rakan kongsi.

Apa yang sepatutnya menjadi satu yang tidak rasmi, forum pelbagai dimensi Asem mungkin mempunyai Sekretariatnya sendiri, demikian menurut pejabat Asem ketiga di sini.

Walaupun Sekretariat adalah antara 22 cadangan di bawah Laporan Kumpulan Wawasan Asia-Eropah, pembentukannya masih tidak pasti kerana anggota-anggota lebih memilih untuk Asem terus menjadi satu forum yang tidak rasmi di mana keputusan yang dibuat tidak terikat.

Seterusnya, negara-negara Eropah cuba sedaya upaya mereka untuk tidak menjadikan Asem sebagai kemudahan kewangan bantuan pembangunan menerusi pembentukan Dana Amanah Asem, satu daripada inisiatif Asem yang sedang berjalan lancar.

Ketika EU mahu dana itu menyediakan kepakaran teknikal, Thailand, Indonesia dan Filipina mahu ianya dilanjutkan.

Bagi Malaysia, ia tidak mahu dimasukkan ke dalam senarai dana.

"Kami tidak menentanginya. Kami hanya mahu dikeluarkan daripada senarai," kata seorang diplomat Malaysia.

Selain dana, Asem Seoul juga dijangka menyediakan cadangan untuk membolehkan negara-negara yang tidak termasuk dalam Asia dan Eropah menjadi anggota tertakluk kepada persetujuan sebulat suara daripada negara anggota.

Kira-kira 20 negara termasuk Russia, Australia dan New Zealand dilaporkan berharap dapat menyertai Asem.

Bagaimanapun, pemerhati-pemerhati berkata Asem harus menyelesaikan terlebih dahulu keanggotaan Myanmar, terutama di Kemboja dan Laos, di mana ketiga-tiga anggota Asean itu belum lagi menyertai proses Asem.

Anggota-anggota Eropah ada yang menentang atau masih menungguh untuk membuat keputusan terhadap kemasukan Myanmar kerana membantah kononnya pencabulan hak asasi manusia Yangon.

Penganalisis berkata ketika dimensi politik tidak boleh diketepikan, pendapat yang berbeza telah menimbulkan kesangsian bagi pihak Asia.

"Mereka berpendapat EU akan menekan mereka," kata seorang penganalisis.

Bagaimanapun EU melahirkan pandangan yang berbeza. "Kami mahu satu dialog politik yang baik," kata seorang diplomat EU.

Bagaimanapun, Korea Selatan, tuan rumah kepada Asem ketiga, tidak akan

membenarkan sebarang pertikaian pendapat antara Asia dan Eropah.

Untuk menggalakkan perbincangan dalam suasana yang mesra, Seoul mencadangkan atau mencadangkan bersama dengan rakan anggota Asem yang lain empat inisiatif baru iaitu Rangkaian Maklumat Trans-Eurasia, Program Persahabatan Asem, satu inisiatif untuk menangani Pembahagian Digital dan Meja Bulat bagi Globalisasi Asem, satu isu yang sangat sensitif kepada kebanyakan negara membangun termasuk, Malaysia.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan menghadiri sidang kemuncak di sini esok dijangka memberikan pandangannya mengenai globalisasi dengan menggesa kebanyakan negara anggota Eropah yang maju memberikan pandangan dalam membuat keputusan ekonomi global yang penting.

Asem Seoul juga dijangka menyokong tiga dokumen -- Penyata Pengerusi, Rangka Kerja Kerjasama Asia-Eropah 2000 dan Deklarasi Seoul bagi Keamanan di Semenanjung Korea, isu yang mendapat perhatian bagi negara tuan rumah.

Pemimpin-pemimpin negara itu juga dijangka mengesahkan hasrat mereka untuk bertemu lagi dalam Asem keempat di Copenhagen, Denmark pada 2002 dan memutuskan untuk mengadakan Asem kelima di Asia pada 2004.

Mereka juga menyatakan menteri-menteri luar, ekonomi dan kewangan Asem masing-masing akan bertemu di China, Belgium dan Jepun pada 2001 sebelum Asem keempat.

-- BERNAMA

ES MFJ SD ZK MA